



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

**GARIS PANDUAN
GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN
INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA**



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

KANDUNGAN

1. Tujuan	2
2. Latar Belakang	2
3. Kriteria Utama	3
4. Jumlah Geran Padanan Pembaikan Yang Boleh Dipertimbangkan	3
5. Skop Kerja-Kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan	4
7. Penggunaan Peruntukan Geran	5
8. Kriteria Kelayakan Permohonan	5
9. Mekanisme Pelaksanaan	6
10. Jawatankuasa Pelulus Pemberian Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) & Geran Padanan Pembaikan Hotel Bajet.....	8
11. Tanggungjawab Pengusaha Inap Desa Selepas Kerja Pembaikan/ Penyelenggaraan Siap	9

SENARAI LAMPIRAN

1. Borang Permohonan	LAMPIRAN A
2. Surat Setuju Terima & Surat Aku Janji	LAMPIRAN B
3. Format Laporan Siap Kerja Pembaikan/ Penyelenggaraan	LAMPIRAN C
4. Carta Alir Proses Permohonan	LAMPIRAN D
5. Keanggotaan Jawatankuasa Pelulus Pemberian Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) & Geran Padanan Pembaikan Hotel Bajet	LAMPIRAN E

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah permohonan Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) Tahun 2022 Program Pengalaman Homestay Malaysia di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Melalui Pembentangan Bajet Tahun 2022 di bawah Strategi 3- Memulih Sektor-Sektor Tumpuan, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) Tahun 2022 Program Pengalaman Homestay Malaysia yang berdaftar dengan MOTAC. Kerajaan telah memberi komitmen untuk memulihkan dan memangkin pembaharuan beberapa sektor tumpuan seperti industri pelancongan yang mana merupakan industri yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19. Inisiatif ini adalah sejajar dengan peranan Kementerian dalam memastikan kemudahan dan infrastruktur pelancongan yang ditawarkan sentiasa berada di tahap yang berkualiti dan mencapai standard yang ditetapkan.
- 2.2 Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) Tahun 2022 Program Pengalaman Homestay Malaysia di bawah MOTAC disediakan bagi memastikan tahap kemudahan, kebersihan, keselamatan dan keindahan premis kediaman pengusaha sentiasa terpelihara agar pelancong dapat terus menikmati kemudahan yang selesa dan pengalaman yang menarik di negara ini.
- 2.3 Skop pembaikan/penyelenggaraan inap desa (homestay) meliputi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan fasiliti yang disediakan untuk pelancong **di premis** atau **di kemudahan yang telah didaftarkan di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia** dengan penekanan kepada aspek keselamatan, kefungsian dan keselesaan pelancong.

3. KRITERIA UTAMA

- 3.1 **Kriteria utama** permohonan bagi kerja pemberian/penyelenggaraan adalah:
- i. Lokasi dipohon terletak di dalam premis atau di kemudahan yang telah didaftarkan di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia termasuk Program Kampungstay yang tidak melebihi 10 bilik dan terletak di dalam kawasan seperti syarat yang ditetapkan oleh MOTAC;
 - ii. Tempoh pelaksanaan pemberian/penyelenggaraan singkat, dapat dilaksana dan diselesaikan dalam tahun semasa serta mempunyai manfaat segera; dan
 - iii. Skop pemberian/penyelenggaraan memberi nilai tambah tinggi untuk perkhidmatan dan kemudahan kepada pelancong dengan kos yang efektif (*value for money*).

4. JUMLAH GERAN PADANAN PEMBAIKAN YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN

- 4.1 Nisbah Geran Padanan Bagi Tujuan Pemberian Inap Desa (Homestay) Tahun 2022 Program Pengalaman Homestay Malaysia adalah **9:1** di mana sumbangan **Kerajaan adalah sebanyak 90%** dan **10% adalah sumbangan pengusaha.**
- 4.2 Kerajaan hanya akan membayar kos maksimum RM15,000 atau mengikut mana-mana kos yang lebih rendah tertakluk kepada kerja-kerja pemberian/penyelenggaraan yang diluluskan.

**GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA**

4.3 Contoh pengiraan pemberian Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) Tahun 2022 Program Pengalaman Homestay Malaysia mengikut nisbah berikut:

Sumbangan Kerajaan: 90% (MAKSIMUM RM15,000)

Sumbangan Pengusaha : 10%

SENARIO	KOS PEMBAIKAN/ PENYELENGGARAAN	NISBAH GERAN (9:1)	
		SUMBANGAN KERAJAAN	SUMBANGAN PENGUSAHA
A	RM10,000	RM10,000 x 0.9 = RM9,000	RM10,000 x 0.1 = RM1,000
B	RM20,000	RM20,000 x 0.9 = RM18,000 Bayaran Maksimum = RM15,000	RM20,000 x 0.1 = RM2,000 Tanggungan Sendiri = RM5,000

5. SKOP KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN

5.1 Skop kerja-kerja pembaikan/penyelenggaraan adalah dibenarkan bagi **kemudahan yang telah didaftarkan di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia** merangkumi pembaikan/penyelenggaraan kemudahan pelancong di premis pengusaha seperti:

- i. Kebocoran bumbung;
- ii. Keretakan/ kerosakan dinding;
- iii. Keretakan/ kerosakan lantai di premis;
- iv. Kerosakan perabot dan peralatan di dalam bilik penginapan pelancong;
- v. Kerja-kerja pendawaian elektrik di bilik penginapan pelancong;
- vi. Kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan keselamatan/ keselamatan kebakaran;
- vii. Penyelenggaraan penghawa dingin di bilik penginapan pelancong;
- viii. Kerosakan pintu atau tingkap di bilik penginapan pelancong;
- ix. Kerja-kerja mengecat bilik penginapan pelancong;
- x. *Waterproofing*; dan
- xi. Kerosakan tandas untuk pelancong.

- 5.2 Permohonan pembaikan/penyelenggaraan selain daripada skop kerja yang telah disenaraikan **tidak akan diberi pertimbangan.**

6. PENGGUNAAN PERUNTUKAN GERAN

Permohonan Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) Tahun 2022 Program Pengalaman Homestay Malaysia hanya **dipertimbangkan** untuk kemudahan pelancongan yang tidak mendapat peruntukan di bawah mana-mana kementerian/ agensi/ jabatan/ kerajaan negeri/ pihak berkuasa tempatan dalam tempoh tiga (3) tahun **kecuali** berlaku kerosakan infrastruktur/ kemudahan pelancongan akibat bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.

7. KRITERIA KELAYAKAN PERMOHONAN

Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) Tahun 2022 Program Pengalaman Homestay Malaysia akan dipertimbangkan berdasarkan kriteria berikut:

- i. Pengusaha inap desa (homestay) yang berdaftar dengan Program Pengalaman Homestay Malaysia di bawah MOTAC sebelum atau pada 31 Disember 2021;
- ii. Data pelaporan rekod kedatangan pelancong dan jumlah pendapatan dari Program Pengalaman Homestay Malaysia dan Program Kampungstay yang telah dikemukakan kepada MOTAC bagi tempoh 3 tahun (2018 – 2021);
- iii. Melantik kontraktor tempatan yang berdaftar dengan SSM atau mempunyai Pendaftaran Perniagaan (Lesen Berniaga) dengan Pejabat Daerah (Sabah dan Sarawak); dan
- iv. Permohonan pembaikan/penyelenggaraan bagi kerja yang sedang dilaksanakan atau telah selesai tidak akan dipertimbangkan.

8. MEKANISME PELAKSANAAN

- 8.1 Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) Tahun 2022 Program Pengalaman Homestay Malaysia** yang boleh diperolehi dari Pejabat MOTAC Negeri masing-masing atau di laman sesawang www.motac.gov.my.
- 8.2 Permohonan hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pembangunan Industri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Borang permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- 8.3 Borang permohonan berserta dokumen sokongan yang lengkap perlu dikemukakan dan dialamatkan kepada:-

Urus Setia

Jawatankuasa Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) Tahun 2022

Program Pengalaman Homestay Malaysia

d/ a Bahagian Pembangunan Industri

Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya

Aras 14, No.2 Menara 1, Jalan P5/ 6, Presint 5

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

63200 PUTRAJAYA

Emel : geranhomestay@motac.gov.my

No. Tel : 03 - 8891 7489/ 7527

No. Faks : 03 - 8891 7470

- 8.4 Semua permohonan hendaklah dikemukakan **sebelum 30 April 2022** dan kelulusan tertakluk kepada peruntukan geran habis/tamat.
- 8.5 Prosedur pelaksanaan kerja pembaikan/ penyelenggaraan, tuntutan pembayaran dan penyaluran geran adalah seperti berikut:

GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

- i. Pemohon hendaklah menandatangani Surat Setuju Terima dan Surat Aku Janji seperti di **LAMPIRAN B** sebagai persetujuan penerimaan tawaran geran setelah menerima surat pemakluman keputusan pemberian geran dan mengemukakan kepada MOTAC secara email melalui geranhomestay@motac.gov.my dalam tempoh 7 hari;
- ii. Pemohon hendaklah melantik kontraktor bagi kerja-kerja pembaikan/ penyelenggaraan, menyelaras kerja pembaikan/penyelenggaraan dan menguruskan pembayaran kepada kontraktor dalam tempoh **90 HARI** setelah kelulusan diterima.
- iii. Pemohon melantik kontraktor yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mempunyai Pendaftaran Perniagaan (Lesen Berniaga) dengan Pejabat Daerah (Sabah dan Sarawak);
- iv. Memantau pelaksanaan kerja pembaikan/ penyelenggaraan secara terperinci dan konsisten terhadap kontraktor yang dilantik serta memastikan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan kerja pembaikan/ penyelenggaraan itu ditangani dengan segera;
- v. Penyaluran geran yang telah diluluskan akan disalurkan melalui *Electronic Fund Transfer (EFT)* kepada akaun bank pemohon;
- vi. Pemohon perlu mengemukakan kepada MOTAC laporan siap kerja berserta gambar berwarna kerja pembaikan/ penyelenggaraan sebelum, semasa dan selepas kerja siap seperti format di **LAMPIRAN C**;
- vii. Pemohon perlu mengemukakan kepada MOTAC sesalinan bukti pembayaran (resit/invois) sebagai bukti pembayaran yang telah dibuat kepada kontraktor;

- viii. Sekiranya didapati pengusaha menyalahguna peruntukan geran yang telah diluluskan, permohonan akan dibatalkan dan pengusaha berkenaan dikehendaki membayar balik semua geran yang diluluskan secara sekaligus. Kegagalan membayar balik secara sekaligus boleh menyebabkan tindakan undang-undang akan diambil. Kementerian berhak untuk membatalkan kelulusan dan mengambil tindakan undang -undang sekiranya:
- a. Kerja yang dilaksanakan di luar skop yang diluluskan;
 - b. Tempoh kerja pembaikan/ penyelenggaraan melebihi tempoh 90 hari; dan
 - c. Tidak mengemukakan laporan kerja siap pembaikan/ penyelenggaraan kepada MOTAC.

8.6 Carta alir proses permohonan seperti di **LAMPIRAN D**

9. JAWATANKUASA PELULUS PEMBERIAN GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY) & GERAN PADANAN PEMBAIKAN KEPADA HOTEL BAJET

- 9.1 Jawatankuasa Pelulus Pemberian Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) & Geran Padanan Pembaikan Hotel Bajet akan menimbang dan meluluskan permohonan berdasarkan kepada terma dan syarat yang dinyatakan. (Keanggotaan jawatankuasa adalah seperti di **LAMPIRAN E**.
- 9.2 Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan jawatankuasa. Segala keputusan oleh Jawatankuasa Pelulus Pemberian Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) & Geran Padanan Pembaikan Hotel Bajet adalah **MUKTAMAD**.

9.3 Jawatankuasa Pelulus Pemberian Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) & Geran Padanan Pembaikan Hotel Bajet juga akan menyemak Garis Panduan ini dari semasa ke semasa untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

10. TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA INAP DESA (HOMESTAY) SELEPAS KERJA PEMBAIKAN/ PENYELENGGARAAN SIAP

Pengusaha inap desa (homestay) berdaftar dengan MOTAC yang telah menerima peruntukan geran ini adalah bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:

- i. Memastikan infrastruktur dan kemudahan bagi pelancong yang telah dibaik pulih/ diperbaiki akan diselenggara dengan baik secara berterusan selepas projek disiapkan;
- ii. Membayai segala kos kerja membaik pulih/ penyelenggaraan sekiranya terdapat sebarang kerosakan pada projek yang telah siap;
- iii. Berterusan menguruskan pengumpulan data pendapatan dan kedatangan pelancong berserta kepuasan pelancong bagi tujuan analisa penilaian *outcome*;
- iv. Lain-lain tanggungjawab yang dirasakan wajar oleh MOTAC.

Bahagian Pembangunan Industri
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Mac 2022

GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

LAMPIRAN A



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

BORANG PERMOHONAN GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN
INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

A. MAKLUMAT PEMOHON	
NAMA*	
NO. KP*	
ALAMAT*	
NO. TEL*	
EMEL*	
KLUSTER HOMESTAY*	
NEGERI*	
DAERAH/ MUKIM*	
DEWAN UNDANGAN NEGERI/ PARLIMEN*	

* Ruangan adalah WAJIB diisi.

B. SKOP KERJA PEMBAIKAN/ PENYELENGARAAN YANG DIPOHON		
BIL.	SKOP KERJA	TANDAKAN (/) PADA YANG BERKENAAN
1.	Kebocoran bumbung	
2.	Keretakan/ kerosakan dinding	
3.	Keretakan/ kerosakan lantai di premis	
4.	Kerosakan perabot dan peralatan di dalam bilik penginapan pelancong	

GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

B. SKOP KERJA PEMBAIKAN/ PENYELENGARAAN YANG DIPOHON

BIL.	SKOP KERJA	TANDAKAN (/) PADA YANG BERKENAAN
5.	Kerja-kerja pendawaian elektrik di bilik penginapan pelancong	
6.	Kerja-kerja penyelengaraan kemudahan keselamatan/ keselamatan kebakaran	
7.	Penyelenggaraan penghawa dingin bilik penginapan pelancong	
8.	Kerosakan pintu atau tingkap bilik penginapan pelancong	
9.	Kerja-kerja mengecat bilik penginapan pelancong	
10.	<i>Waterproofing</i>	
11.	Kerosakan tandas untuk pelancong	

C. MAKLUMAT KONTRAKTOR

Nama Syarikat	
No. Pendaftaran SSM	
Alamat Surat- Menyurat	
No. Tel	

D. PERINCIAN KOS KERJA PEMBAIKAN/ PENYELENGGARAAN

BIL.	SKOP KERJA	KETERANGAN (luas,jarak, tinggi,kuantiti)	ANGGARAN KOS KERJA (RM)
1.	Contoh: Kerosakan tingkap di dalam bilik pelancong 1	1. Menggantikan tingkap jenis nako	
JUMLAH			

*Boleh disediakan sebagai lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi.

GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

E. UNJURAN KERJA PEMBAIKAN/ PENYELENGGARAAN

i. Cadangan Jadual Pelaksanaan

a. Tempoh Kerja : Hari
b. Tarikh Jangkaan Mula Kerja :
c. Tarikh Jangkaan Siap Sepenuhya :

**F. JANGKAAN OUTCOME DAN FAEDAH YANG DIJANGKAKAN DARIPADA
KERJA PEMBAIKAN/ PENYELENGGARAAN KEPADA PELANCONG**

.....
.....
.....

G. PENGESAHAN MAKLUMAT PERMOHONAN

- Saya bersetuju dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah sahih dan menepati Garis Panduan Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaiakan Inap Desa (Homestay) Tahun 2022 Program Pengalaman Homestay Malaysia;
- Saya mengaku bahawa saya **TIDAK** pernah mendapat peruntukan di bawah mana-mana kementerian/ agensi/ jabatan/ kerajaan negeri/ pihak berkuasa tempatan dalam tempoh tiga (3) tahun kecuali berlaku kerosakan infrastruktur/ kemudahan pelancongan akibat bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.

Perakuan oleh pemohon : Tandatangan :
Nama :
No. MyKad :

Pengesahan oleh penyelaras : Tandatangan :
Nama :
No. MyKad :

Jawatan :
Cop :

GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

H. SENARAI SEMAK DOKUMEN

BIL.	PERKARA	TANDAKAN (✓)	
		PEMOHON	URUSETIA
1.	Salinan MyKad pemohon		
2.	Salinan Sijil Pendaftaran Program Pengalaman Homestay Malaysia <i>*Surat Pengesahan bagi pengusaha yang tidak mempunyai sijil pendaftaran</i>		
3.	Rekod Pelaporan kedatangan pelancong dan pendapatan homestay		
4.	Perincian skop pembaikan dan kos (sebut harga/quotation kontraktor)		
5.	Cadangan jadual pelaksanaan		
6.	Salinan Sijil SSM kontraktor yang dilantik		
7.	Laporan bergambar berwarna (bertarikh) mengenai kerosakan/ keadaan semasa infrastruktur yang dipohon		
8.	Penyata bank pemohon		

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Tarikh permohonan diterima:

Pegawai Proses :

Status permohonan: Lulus/ Tidak Lulus/ KIV :

Tarikh:

GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

LAMPIRAN TAMBAHAN

D. PERINCIAN KOS KERJA PEMBAIKAN/ PENYELENGGARAAN			
BIL.	SKOP KERJA	KETERANGAN/ PERINCIAN (luas,jarak,tinggi,kuantiti)	ANGGARAN KOS KERJA (RM)
JUMLAH			

GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

LAMPIRAN B

SURAT SETUJU TERIMA
TAWARAN GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN
INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

Setiausaha
Bahagian Pembangunan Industri
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 14, No.2 Menara 1
Jalan P5/6 Presint 5
62200 PUTRAJAYA

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini **BERSETUJU/ TIDAK BERSETUJU** untuk menerima tawaran Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) Tahun 2022 mengikut syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Surat Pemakluman Keputusan Permohonan Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) Tahun 2022 Program Pengalaman Homestay Malaysia no. rujukan bertarikh dengan peruntukan yang diluluskan sebanyaktanpa syarat.

Tandatangan :
Nama :
No. K/P :
Tarikh :

Tandatangan :
Nama Saksi :
No. K/P :
Tarikh :

SURAT AKU JANJI
PENERIMA GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN
INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

Kepada:

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6
Presint 5,
62200 PUTRAJAYA

1. Saya , No. Kad Pengenalan , beralamat di , mengakui penerimaan saya bagi tawaran seperti dalam Surat Setuju Terima bertarikh..... yang ditandakan sebagai Lampiran B.
2. Saya mengambil maklum dan memahami terma-terma dan kriteria permohonan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) Tahun 2022 Program Pengalaman Homestay Malaysia dan sesungguhnya bersetuju dan beraku janji untuk mematuhi terma-terma dan syarat-syarat seperti berikut:
 - (i) melantik kontraktor yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi kerja-kerja pembaikan/penyelenggaraan yang akan dilakukan.
 - (ii) rancang dan menyelaras kerja-kerja pembaikan/penyelenggaraan bersama kontraktor yang dilantik.
 - (iii) memastikan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan/penyelenggaraan perlu diselesaikan dalam tempoh 90 hari setelah peruntukan disalurkan mengikut skop yang telah diluluskan.
 - (iv) menanggung apa-apa kos tambahan yang berkaitan semasa pelaksanaan kerja-kerja pembaikan / penyelenggaraan.
 - (v) bertanggungjawab sepenuhnya atas segala liabiliti, tuntutan pihak ketiga, kerosakan harta benda dan kecederaan akibat kecuaian atau kegagalan dalam mematuhi mana-mana syarat dan peraturan berkaitan dengan kerja pembaikan/ penyelenggaraan.

GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

- (vi) menguruskan pembayaran kepada kontraktor setelah kerja pembaikan /penyelenggaraan siap sepenuhnya.
- (vii) mengemukakan laporan pelaksanaan kerja pembaikan/ penyelenggaraan setelah kerja-kerja pembaikan/penyelenggaraan siap berserta gambar (berwarna) merangkumi gambar-gambar sebelum kerja dimulakan, gambar semasa kerja dalam pelaksanaan dan selepas kerja siap sepenuhnya dan dokumen pembayaran kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dalam tempoh 15 hari setelah pembayaran kepada kontraktor diselesaikan.
- (viii) membenarkan pegawai-pegawai MOTAC untuk membuat lawatan dan pemeriksaan ke atas kerja-kerja pembaikan/penyelenggaraan yang dilakukan.
- (ix) sebarang permohonan pindaan, perubahan atau pertambahan kos bagi permohonan yang telah diluluskan adalah tidak **DIBENARKAN**; dan
- (x) tidak akan memberikan apa-apa maklumat palsu berkenaan dengan permohonan ini.
3. Saya sesungguhnya faham jika saya melanggar terma-terma dan syarat-syarat yang telah dinyatakan dalam Surat Aku Janji ini, kelulusan yang telah diberikan akan ditarik balik dan peruntukan yang telah disalurkan perlu dikembalikan kepada MOTAC dalam tempoh 14 hari selepas surat penarikan balik dikeluarkan. Saya sesungguhnya faham bahawa sekiranya saya gagal mengembalikan peruntukan yang telah diberikan dalam tempoh 14 hari, pihak MOTAC boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap saya dan saya perlu menanggung apa-apa kos yang bersangkutan dengan tindakan undang-undang tersebut.
4. Saya juga bersetuju menyatakan bahawa Aku Janji ini telah ditandatangani secara sukarela tanpa sebarang elemen paksaan, ugutan atau dorongan daripada mana-mana pihak dan saya menyedari dan memahami implikasi kepada Aku Janji ini.

Perakuan Penerima

Perakuan Saksi

Tandatangan :
Nama :
No. K/P :
Tarikh :

Tandatangan :
Nama Saksi :
No. K/P :
Jawatan :
Tarikh :
**Saksi : Penyelaras Homestay / Pengerusi Homestay Negeri*

GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

LAMPIRAN C

LAPORAN SIAP KERJA
GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN
INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

1. Dimaklumkan bahawa saya mengesahkan kerja pembaikan/penyelenggaraan melalui surat MOTAC no. rujukan..... telah disempurnakan mengikut perincian skop kerja yang telah diluluskan serta dalam tempoh masa yang ditetapkan.
2. Butiran skop kerja-kerja pembaikan/ penyelenggaraan:

BIL.	SKOP KERJA	KOS YANG DILULUSKAN
1.	Kebocoran bumbung	
2.	Keretakan/ kerosakan dinding	
3.	Keretakan/ kerosakan lantai di premis	
4.	Kerosakan perabot dan peralatan di dalam bilik penginapan pelancong	
5.	Kerja-kerja pendawaian elektrik di bilik penginapan pelancong	
6.	Kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan keselamatan/ keselamatan kebakaran	
7.	Penyelenggaraan penghawa dingin bilik penginapan pelancong	
8.	Kerosakan pintu atau tingkap bilik penginapan pelancong	
9.	Kerja-kerja mengecat bilik penginapan pelancong	
10.	<i>Waterproofing</i>	
11.	Kerosakan tandas untuk pelancong	
JUMLAH KESELURUHAN		

Nama Pemohon :

Alamat :

.....

Kluster homestay :

Tandatangan Pemohon :

Tarikh :

GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

PENGESAHAN KONTRAKTOR

Adalah disahkan bahawa kerja-kerja tersebut telah dilaksanakan dengan sempurna mengikut perincian skop kerja pembaikan/penyelenggaraan yang telah diluluskan dan telah menerima bayaran daripada pemohon geran.

.....
Tandatangan & Cop Kontraktor

Tarikh:

SENARAI SEMAK

BIL.	PERKARA	TANDAKAN (✓)
1.	Salinan Surat Pemakluman Keputusan Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) Tahun 2022	
2.	Resit Pembayaran/Invois	
3.	Laporan bergambar (warna) mengikut skop kerja diluluskan sebelum, semasa dan selepas kerja pembaikan/penyelenggaraan	

**GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA**

LAPORAN GAMBAR

SKOP 1:

Sebelum Pembaikan	Sebelum Pembaikan	Sebelum Pembaikan
-------------------	-------------------	-------------------

Selepas Pembaikan	Selepas Pembaikan	Selepas Pembaikan
-------------------	-------------------	-------------------


NOTA:

SILA SERTAKAN GAMBAR (WARNA) KERJA PEMBAIKAN/PENYELENGGARAAN BAGI SEBELUM DAN SELEPAS KERJA PEMBAIKAN/ PENYELENGGARAAN DILAKSANAKAN. MINIMUM 3 GAMBAR. SILA TAMBAH GAMBAR MENGIKUT SKOP KERJA YANG TELAH DILULUSKAN.

GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY) TAHUN 2022
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

LAMPIRAN D

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN
GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY)
PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA



LAMPIRAN E

**JAWATANKUASA PELULUS PEMBERIAN
GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN INAP DESA (HOMESTAY)
& GERAN PADANAN PEMBAIKAN HOTEL BAJET**

KEANGGOTAAN

Pengerusi	:	KSU
Pengerusi Ganti	:	TKSU (PL)
Ahli	:	<ul style="list-style-type: none">i) Setiausaha Bahagian/ Wakil Bahagian Pembangunan Industriii) Setiausaha Bahagian/ Wakil Bahagian Pelesenan & Penguatkuasaan Pelanconganiii) Setiausaha Bahagian/ Wakil Bahagian Pembangunan Prasaranaiv) Setiausaha Bahagian/ Wakil Bahagian Kewanganv) Pengarah MOTAC Negeri yang berkaitanvi) Wakil Jabatan/ Agensi Kerajaan yang berkaitan
Urus Setia	:	Bahagian Pembangunan Industri Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
Korum Mesyuarat	:	Mininum 5 orang ahli termasuk Pengerusi

FUNGSI

1. Menimbang dan meluluskan permohonan Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) & Geran Padanan Pembaikan Hotel Bajet mengikut terma dan syarat seperti dalam garis panduan.
2. Memantau pelaksanaan kerja pembaikan/ penyelenggaraan di bawah peruntukan Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Inap Desa (Homestay) & Geran Padanan Pembaikan Hotel Bajet.

KEKERAPAN MESUARAT

Sekurang-kurangnya 1 bulan sekali atau berdasarkan keperluan dan permohonan yang diterima.